


Headline	Pelihara, pulihara sumber batu kapur di Sarawak		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	22 Sep 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	32,799
Page No	4	Readership	98,397
Language	Malay	ArticleSize	335 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,497
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 7,492



Pelihara, pulihara sumber batu kapur di Sarawak

la baqi menyelamatkan hidupan liar di kawasan batu kapur, termasuk spesies orkid liar dan terancam kepupusan.

Oleh Henrietta Liza

KUCHING: Kawasan pergunungan dan bukit-bukau Sarawak yang belum diterokai dan mempunyai sumber asli batu kapur perlu dipelihara dan dipulihara sebelum diancam kepupusan.

Pegawai Penyelidik Bahagian Biodiversiti Hutan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia Ong Poh Teck memberi cadangan tersebut ekoran banyak kawasan bukit-bukau yang mempunyai batu kapur telah diterokai dan dimusnahkan di Semenanjung Malaysia.

“Penting bagi Sarawak untuk cuba meninjau kawasan bukit-bukau ini dan mendapatkan data yang diperlukan dan ia akan membantu dalam usaha dan kaedah yang akan digunakan dalam pemuliharaan batu kapur dan flora di sini.

“Setakat ini, saya belum lagi menjalankan sebarang kajian terhadap orkid liar di kawasan batu kapur di Borneo dan hanya mengkhusus di kawasan Semenanjung Malaysia,” ujarnya ketika ditemui pada Ceramah Orkid Batu Kapur Semenanjung Malaysia di sini, semalam.

Ong turut menasihati pemintor batu kapur di negeri ini agar tidak membeli orkid liar yang dikumpul dari mana-mana kawasan hutan.

Ini kerana jelas beliau, ia hanya akan menggalakkkan lebih banyak orkid liar dicuri dari kawasan hutan ekoran terdapat permintaan daripada para pengumpul orkid.

Adalah lebih baik sekiranya

peminat orkid membeli orkid yang telah dikahwinkan atau yang ditanam menerusi kulturn tisu atau daripada benih kerana ia lebih senang untuk dijaga dan tahan lebih lama berbanding orkid liar, jelasnya.

“Dengan cara itu, saya percaya anda akan mengurangkan ketamakan manusia yang mahu mengaut keuntungan daripada orkid liar ini dan menyebabkan ia pupus,” ujarnya lagi.

Ong percaya Sarawak mempunyai kepakaran dan akan bekerjasama dalam berkongsi maklumat dan bantuan.

Setakat ini katanya, beliau dan pasukannya sedang menjalankan kajian di kawasan bukit-bukau di Perlis dan Kelantan untuk mengumpul data terutama berkaitan dengan spesis orkid liar dan terancam.

Ini supaya data ia boleh diguna pakai oleh kerajaan negeri untuk memulihara tapak berkenaan daripada dieksploitasi oleh manusia.

“Saya berharap projek itu akan memberi keputusan yang positif dan akan berakhir pada penghujung tahun ini.

“Selepas itu, kita boleh cadangkan kepada kerajaan negeri untuk kaedah pemuliharaan bukan sahaja untuk orkid tetapi juga keseluruhan kehidupan di kawasan batu kapur,” tambahnya.



PELIHARA BATU KAPUR: Ong ketika bercakap pada ceramah Orkid Batu Kapur Semenanjung Malaysia di Kuching, semalam.

“Dengan cara itu, saya percaya anda akan mengurangkan ketamakan manusia yang mahu mengaut keuntungan daripada orkid liar ini dan menyebabkan ia pupus. **”**

Ong Poh Teck
Pegawai Penyelidik Bahagian Biodiversiti Hutan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia